

MAKLUMAT UNTUK PERMOHONAN REKABENTUK PENGANDUNG TEKANAN TAK BERAPI (PEMBUAT TEMPATAN YANG DIKTIRAF OLEH JABATAN)

MAKLUMAN

- i. Sebarang permohonan yang tidak lengkap akan ditolak. **Kategori permohonan tak lengkap adalah tiada surat permohonan, pelan rekabentuk, atau pengiraan rekabentuk dikemukakan.**

PERMOHONAN BARU

1. Surat permohonan hendaklah daripada **pembuat tempatan yang diiktiraf oleh Jabatan** ataupun **pemunya**.
2. Dokumen – dokumen yang mesti dilampirkan semasa membuat permohonan adalah seperti berikut:
 - i. **Pelan rekabentuk perlu dilengkapi dengan maklumat minima sepertimana yang ditunjukkan dalam contoh Pelan Rekabentuk (Lampiran)** dan termasuklah:
 - a. Dimensi utama.
 - b. Keterangan kimpalan.
 - c. Keterangan kedudukan lubang dan servisnya.
 - d. Butir-butir berkenaan dengan spesifikasi bahan.
 - e. Data teknikal seperti tekanan dan suhu rekabentuk, tekanan dan suhu operasi, tekanan ujian, kod rekabentuk, media, isipadu, *corrosion allowance*, faktor kimpalan, *flange rating* dan sebagainya.
 - f. Keterangan lukisan berkaitan dengan komponen dan kimpalan termasuk rujukan atau konfigurasi hendaklah dinyatakan dalam lukisan kejuruteraan.
 - g. Kedudukan peranti keselamatan yang utama seperti tolok tekanan dan injap keselamatan.
 - h. Maklumat-maklumat lain (jika diperlukan).
 - ii. **Pengiraan rekabentuk** hendaklah dilaksanakan mengikut koda rekabentuk terkini yang diiktiraf oleh Jabatan.
 - iii. Setiap dokumen yang dikemukakan mestilah di dalam **Bahasa Malaysia atau Inggeris**. Sebarang terjemahan yang dibuat hendaklah dilakukan oleh pembuat tempatan yang diiktiraf oleh Jabatan, Badan Kuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan atau Institusi terjemahan yang diiktiraf.
 - iv. Maklumat-maklumat lanjut mengenai perkara-perkara di atas dan lain-lainnya bolehlah dirujuk dari Peraturan-peraturan (Dandang Setim dan Pengandung Tekanan Tak Berapi) Kilang dan Jentera 1970 dan Akta Kilang dan Jentera 1967.

Catatan :

- a. Rekabentuk, fabrikasi, pemeriksaan dan ujian terhadap pengandung tekanan tak berapi hendaklah mengikut koda rekabentuk yang terkini dan koda rekabentuk yang diiktiraf oleh Jabatan.